

16 OCT 1998

Hamid-UMNO

ISU PEMECATAN ANWAR ADALAH URUSAN UMNO

PULAU PINANG, 16 Okt (Bernama) -- Isu pemecatan Timbalan Presiden UMNO Datuk Seri Anwar Ibrahim sebenarnya adalah urusan dalaman UMNO dan pihak di luar parti tidak berhak mempertikaikannya, kata Anggota Majlis Tertinggi (MT) UMNO Datuk Dr Abdul Hamid Othman hari ini.

Begitu juga dengan pemecatan Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri yang merupakan perlantikan politik dan hak Perdana Menteri.

Beliau memberitahu pemberita di sini selepas merasmikan Eksponeka anjuran UMNO Bahagian Jelutong, tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu sebenarnya mengikut perlembagaan parti dan kesemua anggota UMNO telah diberi penjelasan mengenai tindakan berkenaan.

'Yang menghairankan kita ialah mereka yang bukan anggota UMNO pula kini sibuk dan bising sedangkan dahulu mereka tidak menyokong Anwar sebab dia berada bersama kita,' kata beliau.

Abdul Hamid berkata, pihak lain termasuk GERAK yang diterajui oleh PAS tidak sepatutnya sibuk dengan urusan UMNO kerana ia tidak berkaitan dengan mereka dan biarkan masalah itu diselesaikan oleh UMNO sendiri.

Pada majlis itu, beliau yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, walau apa masalah atau pengeseran antara kepimpinan parti yang berlaku, keutuhan parti perlulah diutamakan dan para anggotanya perlu mengorbankan kepentingan peribadi.

Janganlah disebabkan berlakunya pengeseran dalam kepimpinan parti, habis seluruh parti dimusnahkan dan perbuatan itu sebenarnya menghancurkan umat sendiri.

Para pemimpin UMNO haruslah meneruskan agenda perjuangan parti serta memainkan peranan untuk menstabilkan politik negara kerana ia adalah faktor utama tarikan pelaburan ke negara ini.

-- BERNAMA

AA PR